



Malay

taip untuk carian



AM > BERITA

LHDN Bangunkan Portal MyInvois Mudahkan Pelaksanaan e-Invois Pembayar Cukai

🕒 13/08/2024 01:00 PM



KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) membangunkan Portal MyInvois sebagai mekanisme penghantaran e-Invois secara percuma bagi memudahkan pelaksanaan e-Invois kepada semua pembayar cukai.

Eksekutif HASiL Contact Centre, Jabatan Khidmat Korporat, Nur Azureen Ismail memaklumkan portal yang mula beroperasi pada 1 Ogos itu boleh diakses dalam talian menerusi aplikasi MyTax, yang merupakan gerbang e-Perkhidmatan HASiL (LHDN).

"Portal ini direka untuk memudahkan pelaksanaan e-Invois terutamanya kepada mereka yang tidak mempunyai sistem perniagaan untuk mengeluarkan e-Invois.

"Tiada lagi isu hilang resit semuanya kerana HASiL telah menyediakan satu mekanisme untuk atasi masalah ini," katanya ketika menjadi tetamu program Klinik Cukai bertajuk 'Tujuh Perkara Perlu Tahu Tentang Cukai' di Bernama Radio, di sini, hari ini.

Beliau berkata portal MyInvois menyediakan dua ciri utama iaitu pengurusan profil bagi pengguna, pembayar cukai, wakil, sistem Perancangan Sumber Perusahaan (ERP) dan perantara, manakala pengurusan dokumen pula merangkumi pengemukaan, semakan, penolakan, pembatalan dan cetakan dokumen.

Mengulas mengenai bayaran cukai, Nur Azureen berkata bayaran itu boleh dikurangkan sekiranya pembayar cukai memanfaatkan potongan atau pelepasan yang dibenarkan pihak LHDN.



"Apabila anda menggunakan potongan cukai atau pelepasan cukai tersebut, pastikan anda simpan rekod cukai dengan teratur sekurang-kurangnya untuk tempoh tujuh tahun.

"Langkah ini penting bagi memudahkan anda menguruskan hal-hal percukaian dengan lebih baik terutama jika berhadapan semakan semula daripada pihak LHDN," katanya.

Sementara itu, seorang lagi Eksekutif HASiL Contact Centre, Noorshah Amiera Maseri berkata pembayar cukai tidak seharusnya bersikap culas berhubung pelaksanaan cukai kerana cukai memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kesejahteraan sesebuah negara.

"Cukai merupakan sumber pendapatan utama bagi kerajaan. Dana yang dikumpul digunakan untuk membiayai pelbagai perkhidmatan awam seperti kesihatan, pendidikan, keselamatan dan infrastruktur.

"Hasil cukai juga membolehkan kerajaan membina dan menyelenggara jalan raya, jambatan, sekolah, hospital dan kemudahan awam lain, yang semuanya menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan pertumbuhan ekonomi," katanya.

-- BERNAMA

The 6th International Sustainable Energy Summit (ISES) ...



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#),

[@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

KATA KUNCI

[lhdn](#)[myinvois](#)[klinik cukai](#)[1 ogos](#)**BERITA BERKAITAN**

**Kaunter Menara LHDN JB dibuka
terhad berikutan kerja naik taraf**

🕒 1hari lalu



**Guna Logo LHDN Tanpa Kebenaran
Satu Kesalahan Di Bawah Akta 414**

🕒 7hari lalu



**e-Invois Mandatori Untuk Syarikat
Berjualan Melebihi RM100 Juta
Mulai Hari Ini - LHDN**

🕒 13hari lalu

LAGI BERITA

**Skuad Bola Tampar Pantai Pulau
Pinang Berlatih Di Songkhla**

🕒 30minit lalu



**Gurmit Singh K.S - Pejuang Ekologi
Yang Lantang Bersuara**

🕒 8minit lalu



**Paralimpik Paris : Nur Jannaton
Tekad Pamer Aksi Cemerlang**

🕒 1jam lalu




Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA
No.28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

📞 [klik di sini]

✉ [helpdesk\[at\]bernama.com](mailto:helpdesk[at]bernama.com)

**Kategori**

- Am
- Ekonomi
- Pasaran
- Sukan
- Gaya Hidup
- Politik
- Dunia
- Infografik
- Video
- Siaran Media Eksklusif
- Arkib

Laman Mikro

- SUKMA 2024
- HKHM 2024
- Olimpik Paris 2024
- Daulat Tuanku
- HAWANA 2024
- Fokus BERNAMA
- Tinta Minda
- Belanjawan 2024
- Kesihatan
- Tenaga
- MAPO
- MCMC

Wilayah

- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

Tentang BERNAMA

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Perkhidmatan BERNAMA
- Kerjaya@BERNAMA
- Sebutharga / Tender